

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB
[PULAI]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB [PULAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini Rang Undang-Undang Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan kini sedang dalam usaha untuk memperhalusi draf Rang Undang-Undang Perkhidmatan Parlimen dan bukan Rang Undang-Undang Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen. Draft pertama Rang Undang-Undang Perkhidmatan Parlimen telah disediakan dan sedang diperhalusi bagi tujuan pemantapan Rang Undang-Undang berkenaan. Rang Undang-Undang Perkhidmatan Parlimen ini dijangka selesai digubal pada Mac tahun 2022.

Sekian, terima kasih.